



HUBUNGAN ANTARA FAKTOR SEKOLAH, KONSEP KENDIRI DAN  
TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI  
SELANGOR, MALAYSIA

Oleh

SABARNUR BINTI ABD RADZAK

Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains

Ogos 2022

FEM 2022 30

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar-gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan boleh dibuat daripada mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta@Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis dibentangkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi syarat Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA FAKTOR SEKOLAH, KONSEP KENDIRI DAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

**SABARNUR BINTI ABD RADZAK**

Ogos 2022

Pengerusi : Amna Md Noor, PhD  
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara faktor sekolah, konsep kendiri, dan tingkah laku pelajar sekolah menengah di Selangor. Pendekatan kuantitatif dan rekabentuk survei digunakan secara analisis deskriptif dan korelasi. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan analisis pengantara untuk mengukur kesan mediator (konsep kendiri) terhadap hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Seramai 400 orang pelajar sekolah yang berumur 14 dan 16 tahun dari lapan buah sekolah menengah di negeri Selangor telah terlibat sebagai responden.

Pengumpulan data kajian adalah melalui soal selidik yang ditadbir sendiri dan persampelan rawak sistematis telah digunakan dalam pemilihan responden. Satu set soal selidik yang merangkumi gabungan beberapa skala telah digunakan, dimana pengukuran faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah melibatkan (*Inventory of Parents and Peer Attachment* (IPPA), *Questions of Teacher's Interaction* (QTI), *School Self-Review Tools* (SSRT), dan *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (Zimet)). Pengukuran konsep kendiri menggunakan *Self-Concept Individual Protective Factors Index* dan tingkah laku menggunakan ASEBA *School-Age Youth Self Report* (YSR).

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap konsep kendiri, faktor sekolah, dan tingkah laku yang sederhana. Hasil analisis ujian-t mendapat perbezaan yang signifikan bagi kelima-lima subskala dalam tingkah laku (kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) berdasarkan jantina. Empat subskala menunjukkan pelajar perempuan lebih tinggi skor berbanding pelajar lelaki dan satu subskala iaitu tingkah laku melanggar peraturan skor pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Ujian korelasi pearson antara latar belakang sosiodemografi dengan tingkah laku menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang negatif antara pendapatan isi rumah dengan keimbangan dan masalah somatik. Keputusan ujian korelasi juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang negatif antara konsep kendiri dengan semua subskala tingkah laku dan terdapat hubungan signifikan yang positif antara konsep kendiri dengan semua subskala faktor sekolah.

Hasil analisis regresi menunjukkan faktor peramal unik terhadap subskala tingkah laku adalah seperti berikut; faktor peramal unik terhadap keimbangan adalah jantina, hubungan antara pelajar dan konsep kendiri, faktor peramal unik bagi menarik diri adalah jantina dan hubungan antara pelajar dengan pelajar, faktor peramal unik bagi masalah somatik adalah jantina dan konsep kendiri. Faktor peramal unik bagi tingkah laku agresif adalah konsep kendiri, jantina dan hubungan guru dengan pelajar, faktor peramal unik bagi tingkah laku melanggar peraturan adalah konsep kendiri dan jantina.

Analisis mediator menunjukkan konsep kendiri memberi kesan mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku. Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara keimbangan dengan faktor sekolah (persekitaran sekolah), konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara menarik diri dengan kesemua subskala faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar, hubungan guru dengan pelajar, persekitaran sekolah dan sokongan sosial), konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara tingkah laku agresif dengan faktor sekolah (hubungan guru dan pelajar), konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara tingkah laku melanggar peraturan dengan faktor sekolah (persekitaran sekolah).

Hasil kajian ini memberikan implikasi secara teoritikal di mana dapatan ini bersesuaian dengan teori kognitif sosial (Bandura, 2001) yang menghuraikan bahawa, faktor persekitaran termasuk faktor sekolah dan konsep kendiri mempunyai hubungan timbal balik dengan tingkah laku pelajar sekolah menengah. Teori ini menekankan bahawa tingkah laku adalah hasil interaksi antara persekitaran dan aspek kognitif. Dengan kata lain, tingkah laku dalam dan luaran boleh dibangunkan melalui persekitaran yang berubah, serta faktor kognitif seperti konsep kendiri. Justeru, dapatan kajian ini selaras dengan Teori Bandura kerana ia menekankan peranan penting faktor sekolah dan konsep kendiri serta tingkah laku dalam dan luaran dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, kajian ini mendapat tiga faktor utama yang saling berinteraksi antara satu sama lain iaitu faktor sekolah, konsep kendiri dan pengaruhnya terhadap tingkah laku.

Kajian ini memperjelaskan kepentingan mengambil kira ketiga-tiga faktor ini dalam program di sekolah yang dibentuk untuk peningkatan kualiti pelajar sekolah menengah. Para guru dan ibu bapa boleh berkerjasama dalam meningkatkan konsep kendiri dan faktor sekolah untuk pengawalan tingkah laku dalam dan luaran pelajar. Kajian ini juga telah menemukan satu dapatan yang penting dalam konteks bidang psikologi sosial berkaitan tingkah laku.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN SCHOOL FACTORS, SELF- CONCEPT AND BEHAVIOUR AMONG SECONDARY STUDENT IN SELANGOR, MALAYSIA**

By

**SABARNUR BINTI ABD RADZAK**

**August 2022**

**Chairman : Amna Md Noor, PhD**

**Faculty : Human Ecology**

The aim of present study is to examine the relationship between school factor, self-concept, student behaviour among secondary school in Selangor. This study employed quantitative approach and survey technique by applying descriptive and inferential analysis. In addition, this study revealed the effect of the mediator relationship between the independent and the dependent variable. A total of 400 adolescents aged 14 and 16 years old from eight secondary schools in Selangor were selected for this study.

Data were collected using self-administered questionnaires and systematic random sampling was used in the selection of respondents. A single questionnaire that linking several scales was utilized, in which measurements of school factors involved (*Inventory of Parents and Peer Attachment (IPPA)*, *Questions of Teacher's Interaction (QTI)*, *School Self-Review Tools (SSRT)*, and *Multidimensional Scale of Perceived Social SupportZimet*). Self-concept dimension was measured using *Self-Concept Individual Protective Factors Index* meanwhile internalizing and externalizing behaviours using *ASEBA School-Age Youth Self Report (YSR)*.

Findings discovered that majority of respondents demonstrate a moderate level of self-concept, school factor, and student behaviors (anxiety, withdrawal, somatic problems, aggressive behavior, and rule-breaking behavior). The t-test analysis found that there were significant differences for all five subscales in behaviour (anxiety, withdrawal, somatic problems, aggressive behaviour, and rule-breaking behaviour) based on gender. Four subscales show that female students score higher than male students and one subscale (rule-breaking behavior), male students score higher than female students.

Meanwhile, Pearson's correlation test between sociodemographic background and behavior shows that there is a significant relationship between household income and anxiety and the number of siblings with aggressive behavior and somatic problems. The results of the correlation test show that there is a significant relationship between self-concept and all subscales in the school factor and all subscales in internalizing and externalizing behavior.

The results of the regression analysis show that the prominent predictor for the internal and external behaviour subscales are as follows; the unique predictor factor for anxiety is gender, the relationship between students and self-concept, the unique predictor factor for withdrawal is gender, and the relationship between students and students, the unique predictor factor for somatic problems is gender and self-concept. Unique predictors of aggressive behaviour are self-concept, gender, and teacher-student relationships. Lastly, unique predictors of rule-breaking behaviour were self-concept and gender.

Mediator analysis shows that self-concept is a mediator on the relationship between school factor and internalizing and externalizing behaviour; self-concept as a mediator on the relationship between anxiety and school factor (school environment), self-concept as a mediator on the relationship between withdrawal and all subscales of school factor (relationship between student, relationship between teacher and student, school environment, and social support), self-concept as a mediator on the relationship between aggressive behaviour and school factors (relationships between teacher and student), self-concept as a mediator on the relationship between rule-breaking behaviour and school factor (school environment).

The outcomes of this study provide theoretical implications where this finding is well-suited with social cognitive theory (Bandura, 2001) which explains that environmental factors including school factor and self-concept have a reciprocal relationship with the behaviour of secondary school students. This theory emphasizes that the behaviour is the result of interaction between environment and cognitive aspects. In other words, internalizing and externalizing behaviour developed through a changing environment, as well as cognitive factors such as self-concept. Thus, the findings of present study are in line with Bandura's Theory due the important role of school factor and self-concept as well as internalizing and externalizing behaviour among students. In conclusion, this study initiates three main factors that interact with each other, namely the school factor, self-concept and its influence on behaviour.

This study simplifies the importance of these three factors in school programme to improve the quality of secondary school students. The teachers and parents should work together in improving self-concept and school factor for the regulation of internalizing and externalizing behaviour of students. This study has also found an important finding in the context of social psychology, in relation to behaviour.

## **PENGHARGAAN**

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha mengasihani”.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya saya berjaya menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Amna Md Noor selaku penyelia utama saya yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih di atas kesungguhan dan kesabaran beliau semasa membimbing saya ketika melaksanakan kajian ini. Segala nasihat, dorongan dan bantuan yang diberikan amat berguna dan berharga untuk perjalanan akademik saya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Dr. Azlina Mohd Khir selaku ahli komuniti kerana kesudian beliau membantu dan berkongsi ilmu penyelidikan di dalam kajian ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Ekologi Manusia, UPM khususnya Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan kerana memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian ini.

Terima kasih juga kepada Ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Tuanku Ja'afar Seremban serta rakan-rakan sepejabat yang sudi memberi ruang dan sokongan. Saya abadikan ucapan penghargaan ini khas buat suami tersayang, insan yang sentiasa di sisi Uzaini Ashadi b. Hj. Kamarudin, anak-anak yang sentiasa memahami Muhammad Adib Irfan dan Muhammad Amar Imran. Tidak lupa juga buat ibu yang dikasihi Azizah bt Arshat, ibu mertuaku Hjh. Che Yah bt Syarif dan bapa mertuaku Hj. Kamarudin b. Awang serta seluruh ahli keluarga yang disayangi yang sentiasa memberi dorongan dan pembakar semangat untuk saya teruskan perjuangan ini. Hanya Allah yang dapat membala budi dan jasa baik kalian.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Amna Md Noor, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Azrina Mohd Khir, PhD**

Pensyarah Kanan,

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:8 Disember 2022

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, journal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah dimasukkan dengan perisian pengesahan plagiat

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Sabarnur Binti Abd Radzak

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

---

---

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan

---

---

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Hipotesis	8
1.6 Kerangka Teori (Teori Pembelajaran Sosial Bandura 1977)	13
1.7 Kerangka Konseptual	18
1.8 Definisi Konseptual dan Operasional	19
1.8.1 Pelajar	19
1.8.2 Budaya dan Iklim Sekolah	19
1.8.3 Konsep Kendiri	20
1.8.4 Tingkah laku Dalaman dan Luaran	21
1.9 Kepentingan Kajian	21
1.10 Skop Kajian	22
1.11 Kesimpulan	23
<b>2 TINJAUAN KAJIAN LEPAS</b>	24
2.1 Pengenalan	24
2.2 Tingkah Laku Dalaman	24
2.3 Tingkah Laku Luaran	27
2.4 Faktor sosio-demografi terhadap tingkah laku	30
2.4.1 Jantina	30
2.4.2 Pendapatan isi rumah	32
2.5 Faktor Sekolah	33
2.6 Faktor Sekolah Serta Pengaruh Terhadap Tingkah Laku	37
2.7 Konsep Kendiri	41
2.8 Faktor sosio-demografi terhadap konsep kendiri	43
2.9 Konsep kendiri dan faktor sekolah	44
2.10 Konsep kendiri dan tingkah laku	46
2.11 Konsep kendiri sebagai mediator	48
2.12 Kesimpulan	49
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	51
3.1 Pengenalan	51

3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Lokasi Kajian	52
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	54
3.5	Instrumen Kajian	57
3.6	Kajian rintis	63
3.7	Kebolehpercayaan dan kesahan kajian	64
3.7.1	Kebolehpercayaan	64
3.7.2	Kesahan	65
3.8	Proses pengumpulan data	66
3.9	Prosedur penganalisisan data	67
3.9.1	Analisis tinjauan data	68
3.9.2	Analisis statistik deskriptif	69
3.9.3	Analisis statistik inferensi	69
3.10	Kesimpulan	71
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>73</b>
4.1	Pengenalan	73
4.2	Analisis Deskriptif	73
4.2.1	Latar belakang sosio-demografi responden	73
4.2.2	Taburan dan corak faktor sekolah	75
4.2.3	Taburan dan corak konsep kendiri	76
4.2.4	Taburan dan corak tingkah laku	77
4.3	Analisis Bivariat	80
4.3.1	Perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan jantina	81
4.3.2	Hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, bilangan adik beradik) dengan tingkah laku.	82
4.3.3	Hubungan konsep kendiri dengan faktor sekolah dan tingkah laku	84
4.3.4	Hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku	86
4.4	Analisis Multivariat	89
4.4.1	Menentukan faktor penentu unik bagi keimbangan	89
4.4.2	Menentukan faktor penentu unik bagi menarik diri	90
4.4.3	Menentukan faktor penentu unik bagi masalah somatik	91
4.4.4	Menentukan faktor penentu unik bagi tingkah laku agresif	92
4.4.5	Menentukan faktor penentu unik bagi tingkah laku melanggar peraturan	92
4.5	Analisis Mediator	93
4.5.1	Ujian kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan keimbangan (3 model) – $H_{a10}$	94
4.5.2	Ujian kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan menarik diri (4 model) - $H_{a11}$	97
4.5.3	Ujian kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku agresif (2 model) – $H_{a12}$	101

4.5.4	Ujian kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan (3 model) - $H_{a13}$	103
4.6	Kesimpulan keputusan pengujian hipotesis	107
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN</b>	<b>117</b>
5.1	Pengenalan	117
5.2	Rumusan	117
5.2.1	Objektif 1	118
5.2.2	Objektif 2	119
5.2.3	Objektif 3	119
5.2.4	Objektif 4	121
5.2.5	Objektif 5	121
5.3	Kesimpulan	122
5.4	Implikasi Kajian	123
5.4.1	Implikasi Teoritikal	123
5.4.2	Implikasi Praktikal dan Polisi	124
5.5	Limitasi kajian	125
5.6	Cadangan kajian masa akan datang	126
<b>RUJUKAN</b>		<b>128</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>162</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>198</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		<b>5-1</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Kes Baru Pesalah Muda (Pelajar) mengikut Jenis Kesalahan dan Jantina pada tahun 2020	4
3.1 Senarai sekolah dan bilangan responden (N=400)	56
3.2 Subskala faktor sekolah	58
3.3 Klasifikasi faktor sekolah	61
3.4 Klasifikasi konsep kendiri	62
3.5 Klasifikasi tingkah laku dalaman dan luaran	63
3.6 Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian	64
3.7 Ringkasan Proses Penyelidikan	67
3.8 Keputusan skewness dan kurtosis	68
3.9 Analisis statistik yang digunakan untuk mencapai objektif kajian	69
4.1 Latar belakang sosio-demografi responden (N=400)	74
4.2 Taburan dan corak faktor sekolah (N=400)	75
4.3 Taburan dan corak konsep kendiri	77
4.4 Taburan analisis deskriptif tingkah laku dalaman dan luaran (N - = 400)	77
4.5 Corak tingkah laku luaran mengikut jantina (N=400)	78
4.6 Ujian-t perbezaan tingkah laku berdasarkan jantina (N=400)	81
4.7 Ujian korelasi hubungan antara pendapatan isi rumah dan bilangan adik beradik dengan tingkah laku	84
4.8 Ujian korelasi hubungan antara konsep kendiri dengan tingkah laku	85
4.9 Ujian korelasi hubungan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah	86
4.10 Hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku	88

4.11	Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi keimbangan	90
4.12	Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi menarik diri	91
4.13	Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi masalah somatik	91
4.14	Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi tingkah laku agresif	92
4.15	Rumusan model analisis regresi ‘stepwise’ bagi tingkah laku melanggar peraturan	92
4.16	Subskala faktor sekolah yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan subskala tingkah laku	94
4.17	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan keimbangan	95
4.18	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan keimbangan	96
4.19	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan persekitaran sekolah dengan keimbangan	97
4.20	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan pelajar-pelajar dengan menarik diri	98
4.21	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan menarik diri	99
4.22	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan persekitaran sekolah dengan menarik diri	100
4.23	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri	101
4.24	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku agresif	102
4.25	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif	103
4.26	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan pelajar-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan	104
4.27	Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan	105

4.28 Konsep Kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan	106
4.29 Rumusan bagi keputusan pengujian hipotesis	107

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Konsep Penentuan Timbal balik dalam Teori Pembelajaran Sosial Bandura	15
1.2 Kerangka konseptual	18
3.1 Peta Negeri Selangor	53
3.2 Prosedur pemilihan sampel	55
3.3 Klasifikasi skor faktor sekolah	60
3.4 Ilustrasi kesan secara langsung antara X dan Y.	71
3.5 Ilustrasi rekabentuk mediator. Hipotesis X memberi kesan secara tidak langsung terhadap Y melalui M	71
4.1 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan keimbangan	95
4.2 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan keimbangan.	96
4.3 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan keimbangan	97
4.4 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan pelajar-pelajar dengan menarik diri.	98
4.5 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru-pelajar dengan menarik diri.	99
4.6 Konsep kendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara persekitaran sekolah dan menarik diri.	100
4.7 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara sokongan sosial dengan menarik diri.	101
4.8 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara hubungan guru-pelajar dengan tingkah laku agresif	102
4.9 Konsep kendiri sebagai mediator terhadap hubungan antara persekitaran sekolah dan tingkah laku agresif.	103
4.10 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan.	104

4.11 Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara guru dan pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan.	105
4.12 Konsep kendiri smenjadi mediator ke atas hubungan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan.	106

## **SENARAI SINGKATAN**

WHO	<i>World Health Organization</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>
SP	Sisihan Piawaian
MOHA	<i>Ministry of Home Affairs</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
MV	<i>Mediator Variable</i>
N	Jumlah Populasi
S	Saiz Sampel
T	<i>t-value (from t-distribution)</i>
R	<i>Correlation Coefficient</i>
Beta, $\beta$	<i>Standardized Coefficient (Beta)</i>
F	<i>F statistics distribution</i>
$R^2$	<i>Regression Determinant Coefficient</i>
P	<i>Statistically significant</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Golongan pelajar hari ini adalah generasi pelapis yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan (Furlong et al., 2021). Generasi ini perlu mempunyai pelbagai persiapan dan kekuatan diri untuk menggalas tanggungjawab serta peranan sebagai pemimpin barisan hadapan dalam masyarakat dan negara pada suatu hari nanti. Namun pada masa kini, tingkah laku golongan pelajar khususnya semakin dicabar dengan pelbagai masalah di dalam negara dan penglibatan golongan pelajar dalam kes-kes tingkah laku delinkuen sama ada ringan atau berat didapati berlaku dengan berleluasa. Menurut Arslan (2021) antara penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah kenakalan pelajar iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak-anak muda. Antara masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat ialah perzinaan, pembuangan bayi, khawat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Hasbullah et al., 2020). Keterlibatan pelajar dalam tingkah laku bermasalah ini didapati berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktor dalaman tersebut adalah sikap diri sendiri dan latar belakang keluarga (Yohanes, 2017), manakala faktor luaran seperti pengaruh rakan, media massa dan persekitaran (Huang, 2022) dikenalpasti mempengaruhi penglibatan pelajar. Gejala sosial dalam kalangan pelajar yang berlaku ini penting diberi perhatian serta memerlukan usaha dan sokongan pelbagai pihak. Ini bertujuan untuk membendung tingkah laku sosial ini daripada terus berleluasa (Buerah et al., 2015). Sebaliknya, jika iaanya tidak ditangani dengan segera, tingkah laku sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar ini menjadi semakin sukar untuk diubati.

Menurut Azizi dan Rosnah (2007), pelajar yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian atau delinkuen. Ia merupakan tingkah laku luaran yang dimanifestasikan oleh kanak-kanak yang bertindak negatif terhadap persekitaran luaran (Liu, 2004). Manakala, tingkah laku dalaman pula merujuk kepada gangguan emosi atau perasaan yang disebabkan oleh kesukaran mengawal emosi negatif (Terzian et al., 2011) yang menyebabkan kanak-kanak melepaskan perasaan pada diri sendiri dan boleh mencederakan diri serta psikologi dalaman mereka.

Pada peringkat perkembangan pelajar, mereka akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa baik dari segi fizikal maupun mental. Pembentukan ini boleh dilihat dari perubahan perasaan atau emosional. Ciri-ciri inilah yang akan membentuk konsep kendiri seseorang pelajar. Konsep kendiri adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Menurut Arslan, G., & Allen (2020) konsep kendiri ialah tanggapan seseorang pada dirinya yang

meliputi kepercayaan, perasaan, sikap dan nilai. Manakala, menurut Rogers (1981), konsep kendiri bermaksud definisi diri yang diberikan pada diri secara sedar apabila menggunakan perkataan “saya”. Konsep kendiri penting kerana ia adalah identiti peribadi seseorang yang dilihat oleh dirinya dan akan membawa kematangan kepada pelajar kerana ia seringkali berfikir dan menilai diri serta tingkah lakunya untuk membuat penyesuaian agar menepati kehendak idealnya.

Pada masa perubahan ini berlaku, kebanyakan mereka suka mengikut perasaan dan sering mengalami tekanan. Akibat daripada itu, pelbagai tindakan yang di luar jangkaan sering dilakukan oleh mereka bagi memenuhi hati dan kehendaknya semata-mata. Menurut Hurlock (1973) kaum pelajar mengalami gangguan emosi seperti bimbang akan kegagalan untuk membuat penyesuaian semasa bertembung dengan situasi baru. Jika tidak ada penyesuaian yang memuaskan di antara individu dengan persekitarannya, maka pelajar akan menghasilkan tingkah laku yang menyimpang. Perlakuan ini akan menimbulkan masalah sosial yang besar impaknya kepada masyarakat dan negara.

Pelajar mempunyai potensi tinggi untuk menyumbang secara positif terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Menurut Fraken (1994) pelajar berupaya menjadi rakan pembangunan negara melalui bimbingan yang konsisten kesan daripada proses pembelajaran dan pendidikan berkesan. Di Malaysia, sistem pembelajaran yang ada menyebabkan setiap individu menghabiskan satu pertiga dari usia mereka di sekolah, bermula dengan pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan lepasan menengah dan pendidikan tinggi (Fraken, 1994). Berpandukan jangka masa persekolahan ini jelas kepada kita sistem sekolah dan proses yang berlaku di dalamnya adalah sama penting dengan sistem keluarga dan masyarakat bagi membentuk tingkah laku dalaman dan luaran pelajar.

Selain sistem keluarga, persekitaran dan faktor sekolah adalah yang paling dekat dengan pelajar. Hasil kajian oleh Allen-Meares (2007), mendapati bahawa persekitaran sekolah memainkan peranan utama dalam pembangunan sosial pelajar. Memperkasakan sekolah sebagai lokasi menyalurkan pendidikan dan menyediakan perkhidmatan sosial yang boleh meningkatkan pembangunan diri ialah pendekatan yang berkesan dalam menghasilkan individu yang bertanggungjawab, bermoral dan boleh menangani masalah sosial pelajar (Amna et al., 2003). Kenyataan ini turut disokong oleh Allen-Meares (2007), iaitu salah satu cara yang efektif dalam mengesan dan menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar adalah dengan memberi penekanan kepada budaya dan iklim sekolah.

Persoalan isu kemerosotan akhlak dan disiplin pelajar seringkali menjadi perbualan hangat isu semasa dan seterusnya melahirkan gambaran negatif kepada sistem pelajaran. Tumpuan yang sangat mendalam terhadap kandungan pelajaran, kewajipan dalam mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan, penghususkan yang terhad dan tumpuan kepada perkembangan

intelek serta kemahiran semata-mata merupakan sebab mengapa kemerosotan akhlak dan disiplin terjadi. Akhirnya, aspek pembinaan sikap, akhlak, dan disiplin diabaikan.

Oleh hal demikian, pelaksanaan disiplin sangat penting dalam melahirkan persekitaran sekolah yang harmoni dan selesa. Abdullah Sani (1997) menyatakan budaya sekolah sangat berkaitan dengan disiplin sekolah. Sekiranya budaya sekolah berkeadaan baik, maka terciptalah disiplin yang baik. Umumnya, Malaysia telah melakukan pelbagai program dan kaedah untuk memperkuatkuhan budaya sekolah yang baik. Konsep sinergi di antara guru-guru, ibu bapa, guru-guru, dan staf sokongan telah meningkatkan imej budaya sekolah di Malaysia ke tahap yang lebih baik. Namun, melihat kepada statistik penglibatan pelajar dalam aktiviti delinkuen yang semakin membimbangkan, maka usaha untuk memantapkan budaya sekolah yang cemerlang serta kondusif harus dipergiatkan lagi.

Pada abad ke-21 ini, konsep budaya sekolah dilihat dinamik selari dengan kemajuan zaman kini. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 memperincikan budaya kecemerlangan berteraskan kepimpinan rakan sekerja wajar dilaksanakan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kenyataan tersebut jelas menegaskan bahawa faktor sekolah merupakan elemen penting dan perlu dibentuk dengan kaedah yang baik supaya tidak berlaku kepincangan kelak (Kaplan et al., 2013).

## 1.2 Pernyataan Masalah

Terdapat banyak faktor yang mendorong pelajar pada masa kini terlibat dalam masalah sosial yang kurang sihat. Ia termasuk latar belakang sosio-demografi pelajar seperti jantina, bilangan adik beradik, dan pendapatan isi rumah. Di dalam bahagian pernyataan masalah ini, beberapa masalah atau keimbangan daripada pelbagai sumber diketengahkan sebagai justifikasi utama kenapa kajian ini perlu untuk dilaksanakan. Di Malaysia, pelajar di bawah umur 18 tahun turut melakukan pelbagai aktiviti jenayah seperti rogol, pencabulan, liwat, rompakan, vandalisme, pembunuhan dan sebagainya. Pada tahun 2020 penglibatan pelajar yang berumur 16 hingga 17 tahun dalam aktiviti jenayah sangat meluas dalam beberapa kes seperti jenayah harta benda, dadah, jenayah berkaitan manusia, kesalahan lalu lintas, senjata/bahan api, akta kesalahan kecil, dan judi. Penglibatan kes pelajar yang paling tinggi dicatatkan dalam kes jenayah berkaitan harta benda, dadah, dan kesalahan lalu lintas. Majoriti pelajar yang terlibat dalam pelbagai kesalahan tersebut adalah pelajar lelaki iaitu sebanyak 1,483 individu. Manakala pelajar perempuan pula adalah sebanyak 112 individu. Jika dilihat pada statistik ini, pelajar lelaki berpotensi untuk terus telibat dalam pelbagai kesalahan jenayah kelak sekiranya tiada intervensi atau penyelidikan lanjutan untuk menekan penularan tingkah laku jenayah ini. Secara keseluruhannya terdapat 1,595 pelajar yang terlibat dalam

pelbagai jenis kesalahan pada tahun 2020. Sudah tentu keadaan ini sangat membimbangkan ibu bapa, masyarakat, dan pihak sekolah. Statistik ini mempunyai perkaitannya dalam meneroka faktor penentu unik terhadap tingkah laku dalaman dan luaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.

**Jadual 1.1: Kes Baru Pesalah Muda (Pelajar) mengikut Jenis Kesalahan dan Jantina pada tahun 2020**

Jenis Kesalahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Jenayah harta benda	261	24	285
Dadah	338	37	375
Jenayah berkaitan manusia	70	3	73
Kesalahan lalu lintas	563	1	564
Senjata/bahan api	19	0	19
Akta kesalahan kecil	5	3	8
Berjudi	8	6	14
Lain-Lain	219	38	257
Jumlah	1,483	112	1,595

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020

Masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi pelbagai tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat yang tidak memberikan faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komuniti mahupun Negara. (Zainudin, S., & Norazmah, M. R. 2011). Tingkah laku negatif ini boleh dilihat kepada dua kategori iaitu tingkah laku luaran dan tingkah laku dalaman. Menurut Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. (1983), tingkah laku luaran '*externalising*' adalah bersifat '*impulsive*' dan kurang pengawalan diri seperti agresif dan sering mengganggu orang lain. Individu ini sentiasa menonjol dengan permasalahan tingkah laku sehingga menjelaskan pembelajaran dan perhubungan sosial. Manakala tingkah laku dalaman '*internalising*' bersifat mengasingkan diri, '*compulsive*', selalu sedih, pemalu, berfokus kepada ketakutan dan fantasi. Keadaan sebegini mungkin tidak disedari oleh guru kerana tidak mengganggu. Namun, tingkah laku ini menjelaskan pembelajaran dan perhubungan sosial yang normal.

Penyelidikan terdahulu mendapati bahawa masalah tingkah laku bermula zaman kanak-kanak boleh memberi impak kepada individu ketika remaja dan dewasa. Di Amerika Syarikat, masalah tingkah laku luaran dan dalaman pelajar, masalah jenayah rakan sebaya, penyalahgunaan dadah, dan jenayah kejiranan merupakan faktor yang meramalkan tingkah laku keganasan ketika dewasa (Arslan & Coşkun, 2022). Walaupun terdapat pelajar yang berjaya mengatasi masalah salah laku apabila dewasa, namun masih terdapat pelajar yang masih mengalami masalah kesihatan mental yang kronik, masalah akademik, masalah untuk mencari pekerjaan, dan terlibat dalam aktiviti delinkuen (Cruwys et al.,

2022). Tambahan pula akan menyebabkan kesan jangka panjang seperti penyalahgunaan bahan, kebimbangan, dan gangguan emosi ketika dewasa (Arslan, 2022).

Di Malaysia, pelbagai kes jenayah yang melibatkan masalah tingkah laku dalaman dan luaran telah diteliti sepenuhnya seperti pornografi, (Arslan, 2022; Arslan & Cocskun, 2022), dan ketagihan dadah (Asanjarani & Arslan, 2022) dalam kalangan pelajar akibat kepekaan terhadap masalah juvana yang meningkat (Huang, 2022; Veríssimo et al., 2020). Dalam sesetengah kes, perubahan ini boleh menyumbang kepada kemunculan masalah tingkah laku luaran dan dalaman seperti agresif kepada rakan sebaya (Van Geel et al., 2021). Walaupun perbincangan mengenai isu ini dalam dimensi yang luas, Huang (2022) mendapati kebanyakan kajian ini mempunyai tumpuan yang berbeza, sama ada menekankan tanggapan umum kepada tingkah laku luaran dan dalaman atau secara khusus menyelidik komponen tertentu seperti agresif, dan penyalahgunaan bahan (Asanjarani & Arslan, 2021). Berdasarkan statistik, isu berkaitan dengan masalah tingkah laku luaran dan dalaman terhadap pelajar masih meningkat secara konsisten dan oleh itu, kajian ini tertumpu kepada masalah tingkah laku luaran dan dalaman terhadap pelajar dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Faktor tercetusnya masalah tingkah laku dalaman dan luaran pada hari ini dalam kalangan pelajar adalah akibat daripada kegagalan institusi keluarga yang berfungsi dengan baik. Kajian oleh Huang (2022), menunjukkan bahawa faktor keluarga seperti perhubungan ibu bapa dan pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan atau mengurangkan masalah tingkah laku. Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan di Amerika Syarikat mengesahkan bahawa terdapat hubungan antara perhubungan ibubapa dengan aktiviti salah laku dalam kalangan pelajar (Cruwys et al., 2022) dan perpaduan keluarga yang rendah serta konflik ibu bapa dengan anak (Yıldırım, 2022). Tambahan pula, sosialisasi rakan sebaya juga merupakan faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku. Sehubungan itu, pengaruh rakan sebaya telah terbukti mempunyai pengaruh yang besar terhadap kecenderungan tingkah laku pelajar secara positif atau negatif. Sebagai contoh, kajian lepas telah menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya adalah berkaitan dengan tingkah laku ponteng (Arslan, 2022). Berpandukan beberapa kajian, bukti mengenai proses sosialisasi telah ditemui apabila merujuk kepada pengaruh langsung kumpulan rakan sebaya yang menyimpang terhadap tingkah laku antisosial pelajar (Cruwys et al., 2022; Furlong et al., 2021).

Kajian ini juga mengkaji konsep kendiri sebagai pengantara atau mediator. Menurut Yıldırım (2022) konsep kendiri dalam kalangan pelajar adalah tidak statik tetapi merupakan konstruk utama yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dengan rakan sebaya serta orang dewasa. Selain itu, Arslan & Allen (2020) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara komunikasi ibu bapa dan anak-anak dengan konsep kendiri pelajar. Tambahan pula, hubungan keluarga dan rakan sebaya berperanan penting dalam pembangunan konsep

kendiri pelajar yang kekurangan sokongan ibu bapa dan dielakkan oleh rakan sebaya menyumbang kepada konsep kendiri yang rendah dan akibatnya timbul masalah emosi dan tingkah laku negatif (Asanjarani & Arslan, 2021). Kajian lepas juga mendapati kualiti hubungan ibu bapa dengan pelajar dikaitkan secara positif dengan harga diri pelajar (Huang, 2022; Veríssimo et al., 2020), yang bertukar kepada tingkah laku agresif (Arslan, 2021).

Faktor sekolah yang menekankan tentang budaya dan iklim sekolah merupakan antara unsur penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Kedua-dua konsep ini penting dalam meningkatkan prestasi dan tingkah laku pelajar. Para pengkaji barat mendapati bahawa usaha pembaharuan iklim sekolah mungkin akan gagal jika ia tidak dikaitkan secara mendalam dengan budaya sekolah (Peterson, 1998). Walaupun terdapat kajian yang menyatakan konsep budaya dan iklim sekolah adalah merupakan dua konsep yang berbeza, namun, kedua-dua konsep ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain serta terdapat ciri-ciri yang sama (Wahab et al., 2018). Konsep budaya sekolah merujuk kepada kaedah guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki set kepercayaan, nilai, dan anggapan yang dikongsi bersama dalam memperkenalkan identiti sekolah dan menentukan piawaiannya untuk membentuk tingkah laku pelajar (Noor Muhammadi et al., 2015). Berpandukan (Banks, 1993; Deal & Peterson, 1999) budaya sekolah merujuk kepada sebuah sistem sosial yang mengandungi budaya tersendiri merentasi norma institusi, struktur sosial, matlamat dan tujuan.

Selain itu, tidak dinafikan iklim sekolah juga berperanan penting selari dengan konsep budaya sekolah. Pusat Perkembangan Kurikulum (1981) mendefinisikan ‘iklim sekolah sebagai suasana sekolah yang baik di mana keadaan persekitarannya dirasakan selesa, tenteram, mesra, riang dengan pembelajaran yang lancar’. Menurut Brookover et al., (1979), iklim sekolah yang sesuai dapat mempertingkatkan lagi pencapaian akademik dan tingkah laku luaran dan dalaman pelajar. Mana mungkin pelajar dapat belajar dengan tenteram sekiranya persekitarannya sekolahnya kucar kacir, kotor, berbau dan bising. Ditambah pula dengan hubungan antara pelajar dengan guru yang sentiasa tegang, guru yang tidak mesra, sikap pelajar yang nakal dan suka bergaduh. Hal ini boleh menyumbang ke arah kemerosotan prestasi pelajar, masalah ponteng, dan disiplin pelajar yang sukar untuk dibendung kesan daripada iklim dan persekitaran sekolah yang negatif.

Jelas memperlihatkan tahap masalah sosial pelajar kini berada di tahap yang membimbangkan. Oleh hal yang demikian, wajarlah kajian ini mendalami elemen faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku yang mempunyai perkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Apabila menyentuh tentang faktor persekitaran yang menyumbang kepada masalah sosial dalam kalangan pelajar, konsep budaya dan iklim sekolah wajar untuk difahami dengan lebih mendalam lagi. Di dalam kajian ini, faktor sekolah yang merangkumi budaya dan iklim sekolah merujuk kepada hubungan antara pelajar dengan pelajar, hubungan antara guru dengan pelajar, persekitaran sekolah,

dan sokongan sosial di sekolah. Budaya dan iklim sekolah yang positif merangkumi semangat sekolah yang jitu serta mempunyai konsep kendiri yang positif dalam kalangan pelajar (Wahab et al., 2018).

Tanpa budaya dan iklim sekolah yang positif maka akan berlakunya pengasingan sosial khususnya dalam kalangan pelajar seperti penyisihan rakan-rakan, pergolakan emosi, dan sebagainya (Arslan, 2019). Konstruk dikaitkan dengan perasaan subjektif atau persepsi ditolak dan diabaikan oleh orang lain, khususnya rakan sebaya dan guru, di sekolah (Arslan, 2021). Pelajar yang diasingkan secara sosial tidak merasa sebagai sebahagian daripada kumpulan sosial, dan mereka tidak dapat menganggap diri mereka sebagai orang yang penting dan berharga dalam komuniti sekolah. Individu yang diasingkan secara sosial adalah sebagai contoh, lebih berkemungkinan mengalami kesunyian, kemurungan, kebimbangan, dan harga diri yang rendah (Arslan, 2021; Buyukcebici & Deniz, 2017).

Walaubagaimanapun, terdapat kajian tempatan yang terhad dalam mengaitkan faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar di Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar khususnya di sekolah dalam negeri Selangor.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut :

- 1) Apakah faktor sosiodemografi pelajar sekolah menengah di Selangor ?
- 2) Apakah corak faktor sekolah, konsep kendiri serta tingkah laku pelajar sekolah menengah di Selangor ?
- 3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor ?
- 4) Adakah terdapat perkaitan antara faktor sosiodemografi, faktor sekolah, serta konsep kendiri dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor ?
- 5) Apakah faktor penentu unik terhadap tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor ?
- 6) Adakah konsep kendiri menjadi mediator kepada hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor ?

## **1.4 Objektif Kajian**

### **Objektif Umum**

Untuk mengenalpasti hubungan antara faktor sekolah, konsep kendiri serta tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Berdasarkan kepada persoalan kajian, terdapat lima objektif khusus iaitu:

### **Objektif Khusus**

- 1) Untuk mengenalpasti corak faktor sekolah, konsep kendiri serta tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.
- 2) Untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.
- 3) Untuk menentukan hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, bilangan adik beradik), konsep kendiri, serta faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.
- 4) Menentukan faktor penentu unik terhadap tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.
- 5) Menentukan kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.

## **1.5 Hipotesis**

Hipotesis kajian merupakan saranan andaian atau sesuatu kenyataan sementara tentang hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah yang diuji oleh penyelidik (Srantakos 2012). Dengan kata lain hipotesis adalah suatu ramalan atau jangkaan awal yang mungkin betul atau tidak, tetapi dianggap betul sehingga terdapat bukti menolaknya. Hipotesis dalam kajian ini adalah berpandukan kajian lepas dan juga objektif kajian di mana kebanyakan hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah.

Faktor sekolah serta konsep kendiri dalam kajian ini dilihat samada ia mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku dalam dan luaran pelajar. Menurut kajian oleh Kupermine et al. (1997), budaya dan iklim sekolah yang positif telah dikaitkan dengan pengurangan masalah tingkah laku dan emosi pelajar. Begitu juga dengan Hayness (1998), mendapat bahawa budaya dan iklim sekolah yang positif menjadi faktor pelindung terhadap pelajar lelaki

yang bermasalah dan seterusnya dapat mengelakkan tingkah laku antisosial dalam kalangan mereka. Berdasarkan kajian oleh Marsh (1984) menunjukkan terdapatnya korelasi yang positif dan signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku pelajar. Malah, kajian oleh Garcia-Fernandez (2011) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara domain konsep kendiri dan tingkah laku agresif. Seterusnya, budaya dan iklim sekolah juga sangat mempengaruhi perkembangan pelajar terutamanya melalui pengenalan konsep kendiri, keberkesanannya keupayaan bekerja dan kemampuan membina hubungan yang baik dengan orang lain (Kasim et al., 2017). Budaya dan iklim sekolah yang positif juga merangkumi semangat sekolah yang jitu serta mempunyai konsep kendiri yang positif dalam kalangan pelajar (Raihan et al., 2018).

Selain itu, hipotesis kajian juga dijalankan bagi menguji perkaitan antara faktor sosiodemografi dengan tingkah laku dalaman dan luaran pelajar. Menurut Mustapha (2010), terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan ibu bapa, status ibu bapa (bercerai atau tidak) dan kawasan tempat tinggal dengan tingkah laku delinkuen pelajar.

Objektif 2: Untuk menentukan perbezaan dalam tingkah laku berdasarkan faktor sosiodemografi (jantina) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor.

H<sub>a1</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku berdasarkan jantina

H<sub>a1a</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam keimbangan berdasarkan jantina

H<sub>a1b</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam menarik diri berdasarkan jantina.

H<sub>a1c</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam masalah somatik berdasarkan jantina

H<sub>a1d</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku agresif berdasarkan jantina

H<sub>a1e</sub>: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku melanggar peraturan berdasarkan jantina.

Objektif 3: Untuk menentukan hubungan antara faktor sosiodemografi (pendapatan isi rumah, bilangan adik beradik), konsep kendiri, faktor sekolah dengan tingkah laku dalam kalangan pelajar.

- H<sub>a2</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku
- H<sub>a2a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan keimbangan
- H<sub>a2b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan menarik diri
- H<sub>a2c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan masalah somatik
- H<sub>a2d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a2e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dengan tingkah laku melanggar peraturan.
- H<sub>a3</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku
- H<sub>a3a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan keimbangan
- H<sub>a3b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan menarik diri
- H<sub>a3c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan masalah somatik
- H<sub>a3d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a3e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan adik beradik dengan tingkah laku melanggar peraturan
- H<sub>a4</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku
- H<sub>a4a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan keimbangan
- H<sub>a4b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan menarik diri
- H<sub>a4c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan masalah somatik
- H<sub>a4d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku agresif

- H<sub>a4e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan tingkah laku melanggar peraturan
- H<sub>a5</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan faktor sekolah
- H<sub>a5a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan hubungan pelajar-pelajar
- H<sub>a5b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan hubungan guru-pelajar
- H<sub>a5c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan persekitaran sekolah
- H<sub>a5d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara konsep kendiri dengan sokongan sosial
- H<sub>a6</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar) dengan tingkah laku
- H<sub>a6a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan keimbangan
- H<sub>a6b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan menarik diri
- H<sub>a6c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan masalah somatik
- H<sub>a6d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a6e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan pelajar - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan
- H<sub>a7</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (hubungan guru-pelajar) dengan tingkah laku
- H<sub>a7a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan keimbangan
- H<sub>a7b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan menarik diri
- H<sub>a7c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan masalah somatik
- H<sub>a7d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan tingkah laku agresif

- H<sub>a7e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan guru - pelajar dengan tingkah laku melanggar peraturan
- H<sub>a8</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (persekitaran sekolah) dengan tingkah laku
- H<sub>a8a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan keimbangan
- H<sub>a8b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan menarik diri
- H<sub>a8c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan masalah somatik
- H<sub>a8d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a8e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan
- H<sub>a9</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor sekolah (sokongan sosial) dengan tingkah laku
- H<sub>a9a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan keimbangan
- H<sub>a9b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan menarik diri
- H<sub>a9c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan masalah somatik
- H<sub>a9d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a9e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan tingkah laku melanggar peraturan

Objektif 4: Mengenalpasti faktor penentu unik terhadap tingkah laku (keimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

- H<sub>a10</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal (jantina, bilangan adik beradik, pendapatan isi rumah, hubungan antara pelajar, hubungan guru dan pelajar, persekitaran sekolah, sokongan sosial, dan konsep kendiri) dengan tingkah laku (keimbangan, menarik

diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan)

- H<sub>a10a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan kebimbangan
- H<sub>a10b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan menarik diri.
- H<sub>a10c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan masalah somatik
- H<sub>a10d</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku agresif.
- H<sub>a10e</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dengan tingkah laku melanggar peraturan.

**Objektif 5:** Menentukan kesan konsep kendiri sebagai mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku (kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif, dan tingkah laku melanggar peraturan) dalam kalangan pelajar sekolah.

- H<sub>a11</sub>: Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan kebimbangan
- H<sub>a12</sub>: Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan menarik diri
- H<sub>a13</sub>: Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan masalah somatik
- H<sub>a14</sub>: Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku agresif
- H<sub>a15</sub>: Konsep kendiri menjadi mediator ke atas hubungan antara faktor sekolah dengan tingkah laku melanggar peraturan

## 1.6 Kerangka Teori (Teori Pembelajaran Sosial Bandura 1977)

Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura sangat relevan dengan penyelidikan berkaitan faktor sekolah, konsep kendiri, dan tingkah laku pelajar. Sekitar tahun 1970, sebuah rangka kerja lengkap telah diperkenalkan oleh Albert Bandura untuk memberi pengetahuan tentang tingkah laku manusia melalui sudut pandangan pendekatan kognitif sosial. Pada tahun 2001, Bandura membincangkan lebih lanjut berkenaan teori kognitif-sosial yang

menumpukan berkenaan pemerhatian dan peniruan terhadap tindakan orang lain. Teori ini telah menekankan pelbagai pemboleh ubah dalam pembelajaran corak tingkah laku luaran dan dalaman. Khususnya, persekitaran, personaliti, dan kesejahteraan psikologi dalam membentuk struktur dan proses ingatan seterusnya mempengaruhi strategi kognitif dalam pelbagai situasi sosial (Bandura, 2006; Clemente, Espinosa, & Vidal,


2009; Contreras, Molina, & Cano, 2011). Menurut teori ini juga, individu memilih strategi tertentu sebagai fungsi kapasiti, efikasi kendiri, jangkaan kejayaan, atau norma dalaman seperti sikap dan nilai moral (Bandura, 2001).

Menurut Bandura (1977), Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Ini bererti persekitaran dan juga orang di sekeliling yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku. Bandura (1977) juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Justeru itu, tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep kendiri individu.

Bandura menekankan bahawa manusia belajar dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Pembelajaran pemerhatian ini dinamakan juga sebagai pemodelan iaitu melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Ia terhasil apabila pelajar memerhatikan tingkah laku orang lain atau mereka yang signifikan dan mencatatkan konsekuensi tingkah laku tersebut. Kebanyakan pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan pelbagai tingkah laku dipelajari melalui pemodelan. Albert Bandura menganggap pemodelan merupakan demonstrasi yang penting tentang peranan kognitif dalam pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua tingkah laku model ditiru. Pelajar cenderung meniru tingkah laku yang diberikan peneguhan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman. Sementara itu, sekiranya tidak diketahui peneguhan dan hukuman yang diperolehi pelajar cenderung meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik, yang disukai, dan berjaya atau malahan mereka mengandaikan bahawa tingkah laku mereka itu sering membawa kepada peneguhan. Justeru, pelajar biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan atau idola mereka.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) yang menggunakan konsep ‘penentuan timbal balik’ dilihat sesuai digunakan di dalam kajian ini kerana ia menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran (sila rujuk Rajah 1.1). Konsep ini menyatakan bahawa manusia menentukan nasib dirinya dengan mengawal kuasa-kuasa di persekitarannya tetapi mereka juga dipengaruhi oleh kuasa-kuasa di persekitaran mereka. Keadaan ini merupakan

satu proses interaktif, saling berkaitan dan timbal balik antara tingkah laku manusia, persekitaran dan proses dalaman seperti kognisi dan persepsi. Ini bermakna manusia dapat mengawal kehendak dan tingkah laku, sementara persekitaran pula dapat mengawal serta mempengaruhi apa yang dilakukan oleh individu.



Rajah 1.1: Konsep Penentuan Timbal balik dalam Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Berdasarkan semua interaksi ini manusia akan hanya memilih sesuatu yang terbaik daripada beberapa pilihan yang sedia ada. Oleh itu, jika pelajar menyaksikan tingkah laku devian oleh rakan sebaya atau rakan sekolah mereka dan memilih sesuatu situasi devian maka tingkah laku devian adalah merupakan perkara yang terbaik untuknya. Begitu juga pandangan mereka terhadap guru. Kebiasaannya, pelajar menjadikan guru sebagai "*role model*" mereka kerana mereka menganggap guru sebagai golongan yang berpendidikan dan berfikiran jauh ke hadapan. Menurut Stolp (1995), kepimpinan guru dapat mempengaruhi pelajar ke arah situasi pembelajaran yang menggalakkan serta membentuk cara budaya pelajar yang sesuai. Tambahan pula, pengaruh guru terhadap pelajar sangat besar sehingga kadangkala kepercayaan yang diberikan oleh pelajar kepada mereka tinggi berbanding daripada ibu bapa.

Secara umumnya, teori ini menumpukan faktor peribadi berinteraksi dengan keadaan persekitaran untuk membangunkan tindakan seseorang. Terdapat dua asas untuk manusia memperolehi pengetahuan iaitu melalui pengalaman peribadi dan pemerhatian tingkah laku manusia. Tambahan pula, teori ini sangat

unik apabila memberi penekanan kepada pengaruh sosial dan juga pengukuhan sosial luaran dan dalaman. Teori kognitif sosial secara langsung mengambil kira pengalaman masa lalu seseorang yang menjadi faktor sama ada tindakan tingkah laku akan berlaku. Pengalaman lepas ini mempengaruhi aspek pengukuhan dan jangkaan seterusnya menentukan sama ada seseorang itu akan terlibat dalam tingkah laku tertentu dan mengapa seseorang itu terlibat dalam tingkah laku tersebut. Matlamat teori kognitif sosial adalah menerangkan kaedah manusia dalam mengawal tingkah laku mereka melalui kawalan dan pengukuhan untuk mencapai tingkah laku bermatlamat yang boleh dikekalkan dari semasa ke semasa. Bandura meyakini bahawa individu mempunyai keupayaan untuk menggunakan kapasiti kognitif ini dan mempunyai beberapa keupayaan untuk menyusun semula persekitaran mereka. Sebagai tindak balas kepada teori ini, konsep kendiri adalah peramal motivasi yang paling penting bagi hasil tingkah laku. Beberapa penyelidik percaya bahawa konsep kendiri terdiri daripada dua konstruk yang berkaitan antara satu sama lain iaitu penilaian ke atas kapasiti individu untuk melaksanakan tugas tertentu atau memegang ciri-ciri tertentu seperti keyakinan diri (Espinosa & Clemente, 2011).

Teori kognitif sosial mencadangkan bahawa persekitaran faktor, ciri dalaman, dan tingkah laku mempunyai hubungan yang signifikan. Faktor persekitaran seperti pelabelan individu yang menyatakan gangguan tingkah laku/emosi pelajar berkaitan dengan konsep kendiri yang negatif menyebabkan pelajar mempunyai tingkah laku negatif. Penyelidikan lepas mendapat terdapat hubungan antara konsep kendiri dengan hasil tingkah laku pelajar (Schwartz et al., 2006; Schwartz, Cote, & Arnett, 2005) dan hubungan keluarga (Guo, 2015; Shi et al., 2017). Sementara itu, terdapatnya hubungan yang signifikan antara faktor keluarga dan devian rakan sebaya dengan tingkah laku bermasalah dalam kajian lepas (Connell, Cook, Aklin, Vanderploeg & Brex, 2011). Secara keseluruhan, teori kognitif sosial menekankan bahawa perolehan, penyelenggaraan, dan tingkah laku perubahan adalah hasil daripada tiga bentuk interaksi iaitu pengaruh peribadi, perbuatan tingkah laku, dan pengaruh persekitaran.

Terdapat beberapa justifikasi utama oleh pengkaji dalam memilih teori pembelajaran Albert Bandura. Justifikasi pertama ialah Teori Albert Bandura menerangkan tentang pengukuhan tingkah laku. Iaitu permasalahan yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar adalah antara permasalahan yang memerlukan pengukuhan tingkah laku. Menurut Albert Bandura (1977) pengukuhan adalah sangat penting dalam melakukan sejenis tingkah laku yang dipelajari daripada mengajar tingkah laku itu. Sebagai contoh, seorang pelajar akan datang tepat pada waktunya kerana melihat rakannya yang dihukum lewat datang ke sekolah.

Kedua, matlamat teori ini adalah untuk menggalakkan pengukuhan dalaman dan luaran. Pengukuhan dalaman dan luaran penting untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti masalah ponteng dalam kalangan pelajar secara berulang. Oleh itu permasalahan ponteng dapat dikenal pasti apabila membuat

proses pengukuhan dalaman dan luaran. Ini bererti tingkah laku seseorang itu bukan sahaja ditentukan oleh faktor luaran malah faktor dalaman juga turut mempengaruhi pelajar untuk bertingkah laku.

Selain itu, pendekatan yang digunakan mengimbangkan keperluan individu, perkembangan individu secara optima dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Matlamat utama kehidupan manusia adalah untuk mencapai kesempurnaan. Oleh yang demikian, seseorang itu akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai cita-citanya melalui tingkah laku yang spesifik tetapi berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain.

Tidak dinafikan juga, Teori Pembelajaran Sosial melihat satu tingkah laku itu sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Oleh itu pendekatan teori pembelajaran sosial adalah sesuai pada pandangan penyelidik untuk melihat dan menganalisis tingkah laku dalaman dan luaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Ia mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang pelajar yang merupakan gabungan teori pengukuhan (rangsangan dan tindak balas) dan teori kognitif. Menurut Bandura (1977), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku anti sosial pelajar pelajar, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran, dan interaksi kognitif.


Pengkaji juga menggunakan Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian kerana teori ini menekankan pentingnya peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurut Bandura (1977) latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif kerana perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan pelajar ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Kenyataan ini disokong oleh kajian Olweus (1978) yang menyatakan salah satu sebab mengapa berlakunya tingkah laku devian dalam kalangan pelajar agresif ialah kerana berlakunya proses peniruan melalui model.

Akhir sekali, teori ini amat sesuai digunakan bagi memahami pembelajaran tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah kerana Bandura (1977) telah menekankan kelakuan moral dari kod moral bahawa kanak-kanak membesar dapat dipengaruhi oleh ibu bapa, guru dan masyarakat. Justeru, dengan melihat budaya dan iklim sekolah ini, peniruan dalam kalangan pelajar dapat didedahkan kepada perkara-perkara negatif yang boleh membawa kepada peniruan tingkah laku yang salah seperti bersikap agresif dengan melakukan kerosakkan. Antaranya termasuklah aktiviti vandalisme, kumpulan liar, mengugut guru, mencalar kereta atau motorsikal guru dan menconteng bangunan sekolah.

## 1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dalam rajah 1.2 menunjukkan hubungan antara angkubah dalam kajian yang terdiri daripada angkubah anteseden (latar belakang sosiodemografi), angkubah bebas (faktor sekolah), angkubah bersandar (tingkah laku dalaman dan luaran) dan angkubah mediator (konsep kendiri). Kerangka konseptual ini dapat menjelaskan secara visual hubungan antara angkubah yang menjadi matlamat utama kajian ini dijalankan.

### KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.2: Kerangka konseptual

Aspek sekolah yang menjadi angkubah bebas merupakan salah satu elemen penting dalam ekologi atau sistem pelajar di mana ianya melibatkan faktor sekolah (hubungan pelajar dengan pelajar, hubungan guru dengan pelajar, persekitaran sekolah dan sokongan sosial).

Kerangka konseptual ini dibina bagi melihat perkaitan antara faktor sekolah dan tingkah laku (dalaman dan luaran). Tingkah laku diwakili oleh angkubah kebimbangan, menarik diri, masalah somatik, tingkah laku agresif dan tingkah laku melanggar peraturan.

Kerangka konseptual ini juga dibina bagi melihat kesan konsep kendiri selaku mediator di antara faktor sekolah dengan tingkah laku (dalaman dan luaran) dalam kalangan pelajar sekolah. Konsep kendiri sangat penting kepada pelajar untuk mengenali konteks sosial mereka dan mengawal tindakan mereka kelak serta berpotensi menjadi panduan tingkah laku dan menguruskan tindakan mereka di kemudian hari.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menunjukkan perkaitan antara faktor sosiodemografi (AV - Angkubah Anteseden) faktor sekolah (IV – angkubah bebas) konsep kendiri (MV – angkubah mediator) serta tingkah laku dalam dan luaran (DV – angkubah bersandar) pelajar melalui kajian ini.

## **1.8 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.8.1 Pelajar**

#### **Definisi Konseptual**

'Pelajar': Menurut Kamus Dewan (2002:18), istilah pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji. Ia juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu.

#### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, pelajar adalah dalam kalangan pelajar tingkatan dua dan empat iaitu berumur 14 tahun dan 16 tahun yang dipilih daripada lapan buah sekolah menengah harian di Selangor. Oleh kerana peraturan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menetapkan bahawa pelajar yang tidak terlibat dalam peperiksaan sahaja dibenarkan terlibat di dalam penyelidikan, maka kajian ini cuma melibatkan pelajar tingkatan dua dan empat agar tidak mengganggu kelancaran aktiviti peperiksaan di sekolah-sekolah tersebut.

### **1.8.2 Budaya dan Iklim Sekolah**

#### **Definisi Konseptual**

Deal & Peterson (1998) mendefinisikan budaya sekolah sebagai norma institusi, struktur sosial, kepercayaan, nilai, simbol, tradisi, matlamat, dan tujuan yang tersendiri untuk membentuk organisasi. Ia merujuk kepada cara guru dan kakitangan sekolah bekerja dengan memiliki set kepercayaan, nilai, dan anggapan yang mereka kongsi bersama. Iklim sekolah merujuk kepada kesan persekitaran sekolah terhadap pelajar termasuk amalan pengajaran, kepelbagai budaya, dan hubungan antara pentadbir, guru, ibu bapa, dan pelajar (Ludden & Eccles, 2007). Iklim sekolah juga merupakan tanggapan, perasaan, dan harapan yang dipegang oleh anggota komuniti sekolah.

## **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, budaya dan iklim sekolah merupakan pemboleh ubah yang sama di mana ia diletakkan di bawah konstruk faktor sekolah. Budaya sekolah menggunakan instrumen *School-Review Tool (SSRT)* yang telah diubahsuai berdasarkan konteks masyarakat dan budaya Malaysia. Instrumen ini mengandungi 18 item kesemuanya dan bertujuan untuk melihat budaya sekolah dari sudut pandangan pelajar mengenai pihak sekolah dan persekitarannya. Skor tinggi menunjukkan responden mempersepsikan bahawa pihak sekolah dan persekitaran mempengaruhi tindakannya. Sebaliknya skor rendah menunjukkan responden mempersepsikan bahawa pihak sekolah dan persekitaran tidak mempengaruhi tindakannya. Dalam kajian ini, iklim sekolah diukur berdasarkan instrumen yang diadaptasi daripada beberapa sumber. Instrumen ini mengandungi tiga sub-skala iaitu hubungan pelajar dengan pelajar (*Inventory of Parents and Peer Attachment, IPPA*), hubungan guru pelajar (*Questions of Teacher's Interaction, QTI*), dan sistem sokongan sosial di sekolah (*Multidimensional Scale of Perceived Social Support*). Skor tinggi menunjukkan responden mempersepsikan tindakannya lebih dipengaruhi oleh iklim sekolah. Sebaliknya skor rendah menunjukkan responden mempersepsikan bahawa iklim sekolah tidak mempengaruhi tindakannya.

### **1.8.3 Konsep Kendiri**

#### **Definisi Konseptual**

Menurut Shavelon dan Bolus (1982), konsep kendiri merupakan penilaian, persepsi atau tanggapan individu terhadap diri sendiri yang meliputi kepercayaan, sikap, nilai dan perasaannya. Penilaian, persepsi atau tanggapan terhadap diri yang diperoleh daripada pengalaman yang dilalui dan alam sekeliling boleh berlaku dalam bentuk positif maupun negatif. Dari kedua-dua jenis konsep kendiri tersebut, konsep kendiri positif merupakan matlamat dalam pembinaan dan pembentukan peribadi manusia.

#### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, konsep kendiri merujuk kepada skor yang diperolehi oleh responden berdasarkan 16 item yang diadaptasi daripada *Self-Concept Individual Protective Factors Index*. Skor tinggi menunjukkan responden mempersepsikan tindakannya lebih dipengaruhi oleh konsep kendiri. Sebaliknya skor rendah menunjukkan subjek mempersepsikan sesuatu tindakan itu berlaku bukan dipengaruhi oleh konsep kendiri.

#### **1.8.4 Tingkah laku Dalaman dan Luaran**

##### **Definisi Konseptual**

Menurut Achenbach, T. M., & Edelbrock C. (1983), tingkah laku dalaman ‘internalising’ bersifat mengasingkan diri, ‘compulsive’, selalu sedih, pemalu, berfokus kepada ketakutan, dan fantasi. Manakala, tingkah laku luaran ‘externalising’ adalah bersifat ‘impulsive’ dan kurang pengawalan diri seperti agresif dan sering mengganggu orang lain. Individu ini sentiasa menonjol dengan permasalahan tingkah laku sehingga menjadikan pembelajaran dan perhubungan sosial.

##### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, tingkah laku dalaman dan luaran merujuk kepada skor yang diperolehi daripada instrumen *Youth Self Report* (YSR). Instrumen ini mengukur masalah emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Ia mengandungi 112 item yang dibangunkan oleh Achenbach (1991) dan dibahagikan kepada lima subskala iaitu tiga subskala bagi tingkah laku dalaman (keimbangan – 13 item, menarik diri – 8 item, dan masalah somatik – 11 item) serta dua subskala bagi tingkah laku luaran (tingkah laku agresif – 17 item, dan tingkah laku melanggar peraturan – 15 item). Skor rendah menunjukkan responden berada pada tahap normal dan merupakan pelajar yang baik dari segi sahsiah serta tingkah lakunya. Sebaliknya skor tinggi menunjukkan responden berada pada tahap klinikal, dan perhatian sewajarnya perlu dilaksanakan.

### **1.9 Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan di antara faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ini berpotensi dalam mencadangkan sebuah rangka kerja (*legal framework*) yang merangkumi pendekatan hak asasi manusia dalam menjamin akses kepada perkhidmatan demi kepentingan pelajar. Tidak dinafikan, kajian ini secara langsung dapat melahirkan piawaian kualiti kebangsaan untuk perkhidmatan penjagaan responsif pelajar yang baik secara teknikal kepada pelajar. Perkara ini dapat dilakukan dengan meningkatkan kecekapan perkhidmatan manusia kepada pelajar dan mengerakkan intervensi di dalam *platform* sekolah, tenaga kerja profesional lain termasuk model kepimpinan, untuk meningkatkan kualiti dan permintaan perkhidmatan pelajar. Kajian ini diharap dapat membantu usaha menambah baik sistem persekolahan bagi pelajar yang berisiko, menyediakan fokus dan tujuan sekolah yang jelas kerana budaya sekolah menjadi faktor penting bagi mengikat ahli agar bersama-sama menjayakan misi sekolah.

Kepentingan kajian ini juga berupaya melibatkan pelajar dalam dasar, undang-undang, dan proses program nasional berkaitan kesejahteraan pelajar melalui mekanisme formal dan tidak formal. Budaya sekolah yang positif dapat mewujudkan pola-pola perhubungan manusia yang baik, suasana yang tenteram, keadaan persekitaran sekolah yang bersih, serta dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti keilmuan. Keadaan ini akan dapat melahirkan kesan positif terhadap proses pembelajaran dan penghayatan nilai murni. Melalui kajian ini, konsep kendiri positif dapat diterapkan kepada pelajar yang kurang keyakinan diri dan rasa diri mereka diabaikan samada oleh keluarga atau pun rakan sebaya mahupun guru-guru di sekolah. Justeru, aspirasi pelajar berkenaan pengaruh budaya dan iklim sekolah dapat dirungkai dan diadaptasi oleh pentadbir sekolah dalam mewujudkan sistem sekolah yang bersesuaian selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan yang berilmu, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab serta menjadi seorang warganegara yang baik.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga berpotensi dalam mengukuhkan penyelidikan untuk meningkatkan pemahaman permasalahan serta kesejahteraan pelajar berasaskan bukti empirikal. Kajian berkenaan faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar ini juga berupaya untuk menyumbang ilmu baharu kepada bidang psikologi sosial dari segi kepelbagaiannya faktor yang menyumbang kepada kewujudan masalah sosial. Dalam hal ini, kajian yang mendalam hanya menumpukan kepada kewujudan masalah sosial di lokasi kajian dan latar belakang responden yang berbeza. Kajian ini diharap dapat memberikan ruang untuk penyelidikan akan datang, penilaian kritikal, kritikan, dan perdebatan ilmiah dalam bidang tingkah laku pelajar. Pemilihan teori oleh pengkaji secara tidak langsung dapat menguji kebolehpercayaan dan keberkesanannya terhadap pengukuhan tingkah laku pelajar secara dalaman atau luaran.

### **1.10 Skop Kajian**

Skop terhadap tajuk penyelidikan ini yang menyentuh tentang faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku merupakan sub topik dalam bidang psikologi sosial menjadi tumpuan utama di dalam kajian ini. Kajian ini adalah suatu kajian deskriptif dan korelasi yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk survei. Kajian ini hanya dijalankan di negeri Selangor melalui empat daerah yang telah dipilih secara rawak daripada sepuluh buah daerah iaitu daerah Hulu Langat, Sepang, Sabak Bernam dan Petaling Utama. Manakala skop responden kajian pula hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan dua dan empat sahaja melalui persampelan teknik kelompok pelbagai-peringkat (*multistage cluster sampling technique*).

### **1.11 Kesimpulan**

Kesimpulannya, skop kajian ini mendalamai hubungan di antara faktor sekolah, konsep kendiri, serta tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor. Menerusi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan, objektif, hipotesis, kepentingan, serta skop kajian, pengkaji konsisten dalam merungkai persoalan mengapa masalah sosial melanda pelajar pada zaman kini. Isu masalah sosial ini wajar ditangani segera ketika peringkat akar umbi lagi melalui penyelidikan yang mendalam. Malah, konsep kendiri selaku mediator di antara faktor sekolah dengan tingkah laku pelajar, dilihat dapat membantu seseorang pelajar itu bertingkah laku dan membentuk identiti diri.

## RUJUKAN

- Abdul Raub Rahman. (2006). Masalah pelanggaran disiplin pelajar-pelajar sekolah menengah.
- Abdullah, H., Ortega, A., Ahmad, N., & Ghazali, S. (2015). Aggressive and delinquent behavior among high-risk youth in Malaysia. *Asian Social Science*, 11(16), 62.
- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. (1991). Child behavior checklist. Burlington (Vt), 7, 371-392.
- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. S. (1978). The classification of child psychopathology: A review and analysis of empirical efforts. *Psychological Bulletin*, 85(6), 1275–1301.
- Achenbach, T. M., & Edelbrock, C. S. (1983). Taxonomic issues in child psychopathology. In *Handbook of child psychopathology* (pp. 65-93). Springer, Boston, MA.
- Achenbach, T. M., & Rescorla, L. A. (2001). Manual for the ASEBA school-age forms & profiles: child behavior checklist for ages 6-18, teacher's report form, youth self-report: an integrated system of multi-informant assessment. University of Vermont, research center for children youth & families.
- Ahmad, N. F. & Mansor, M. (2016). Externalizing behaviour problem among children age four and below in peninsular Malaysia. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*, 5(1), 13-22.
- Ahzilah Wahid, Norashidah Hashim & Amlus Ibrahim. (2017). Hubungan Persekutuan Universiti Terhadap Niat Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Keusahawanan. *Journal Of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSE), (1):136–149.
- Alamsyah, R. Z., & Mulyani, S. (2020). Hubungan antara dimensi-dimensi iklim organisasi sekolah dengan burnout pada guru SMP di Kecamatan Pagetan, Banjarnegara, Jawa Tengah. *Ecopsy*, 7(1), 373762.
- Alfano, C. A., & Beidel, D. C. (2011). *Social anxiety in adolescents and young adults: Translating developmental science into practice*. American Psychological Association.
- Allen, A. P., & Gillooly, J. F. (2006). Assessing latitudinal gradients in speciation rates and biodiversity at the global scale. *Ecology letters*, 9(8), 947-954.
- Allen, K. A., Slaten, C. D., Arslan, G., Roffey, S., Craig, H., & Vella-Brodrick, D. A. (2021). School belonging: the importance of student and teacher

- relationships. In *The Palgrave handbook of positive education* (pp. 525-550). Palgrave Macmillan, Cham.
- Allen-Meares, P. (2007). Cultural competence: An ethical requirement. *Journal of Ethnic & Cultural Diversity in Social Work*, 16(3-4), 83-92.
- Alpatanni, P. (2015). Juvenile delinquency in Malaysia. Malaysia: Open University Malaysia.
- American Psychiatric Association (1994). Diagnostic and statistical manual of mental disorders (4th edn:) Washington, DC: American Psychiatric Press.
- American Psychological Association. (2013). Specialty guidelines for forensic psychology. *The American Psychologist*, 68(1), 7-19.
- Amna, M. N., Asnarulkhadi A. S., Rozumah, B., Abdullah A. H. M., Rumaya, J., Mansor, A. T., & Jo-Pei, T. (2003). Sistem Sekolah dan Sosialisasi Pelajar. Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Annie, J. (2007). Discussing expanded spaces for learning.
- Anuar Abdullah. (1990). Perkaitan Di Antara Latar Belakang Dan Konsep Kendiri Pelajar Dengan Pencapaian Akademik. Projek sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
